



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERANAN WASIAT DALAM HIKAYAT RAJA PASAI BERDASARKAN
KONSEP KEADILAN AL-GHAZALI**

ABDUL RAHMAN BIN IDRIS

FBMK 2018 67




**PERANAN WASIAT DALAM *HIKAYAT RAJA PASI* BERDASARKAN
KONSEP KEADILAN AL-GHAZALI**

Oleh

ABDUL RAHMAN BIN IDRIS

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

Ogos 2018



Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Ibu (Nik binti Mahmud)
Segarang mentari memancar bumi
Begitulah kuatnya semangatmu mendidikku
Ayah (Idris bin Jusoh)
Seteguh gunung pasakkan bumi
Begitulah teguhnya usahamu membesarkanku
Manja (Rosnaza binti Abdul Razak@Isteri tercinta)
Sekental ikan di lautan
Begitulah kentalnya kesetiaanmu kepadaku
Warisan zuriatku yang sentiasa merinduiku
Nur Ruqaiyah
Muhammad Uwais Al-Qorni
Muhammad Ashabul Yamiin
Muhammad Abdullah Al-Azam
Sejernih air di luncuran
Begitulah jernihnya kasih sayangku kepada kalian
Anak-anakku teruskan semangat juang kalian
Untuk meniti hari-hari mendatang yang belum
Menjanjikan kekuatan iman
Kalian warisan mujahid... bangkitlah
Semoga kalian mengikuti jejak langkah kedua orang tuamu
Menjadi mujahid pada zaman mutakhir ini
Amin, amin, amin.
Semoga segala-galanya dalam Rahmat-Nya.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah.

PERANAN WASIAT DALAM *HIKAYAT RAJA PASAI* BERDASARKAN KONSEP KEADILAN AL-GHAZALI

Oleh

ABDUL RAHMAN BIN IDRIS

Ogos 2018

Pengerusi : Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara terperinci wasiat-wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai* berdasarkan konsep keadilan Imam al-Ghazali dalam kitab *Nasihat al-Muluk*. Kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa pemasalahan yang timbul. Masalah yang dimaksudkan ialah hampir tiada kajian tentang peranan wasiat yang dilakukan secara terperinci dan sistematik. Hal ini kerana karya ini merupakan karya historiografi Melayu yang tertua. Kebanyakan kajian sebelum ini lebih berfokus kepada maksud wasiat, tema, perkembangan plot dan kajian teks. Maka satu kajian terperinci dan sistematik terhadap peranan wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai* perlu dilakukan. Kajian ini akan bertumpu kepada tiga objektif, iaitu mengenal pasti wasiat berkaitan ciri pemimpin dalam *Hikayat Raja Pasai*. Seterusnya, menganalisis wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai* berdasarkan ciri pemimpin yang adil menurut Imam al-Ghazali dalam *Nasihat al-Muluk*. Akhirnya, merumus ciri pemimpin berdasarkan konsep keadilan Imam al-Ghazali dalam *Nasihat al-Muluk*. Kaedah kajian ini bertumpu kepada kajian kualitatif dengan pengaplikasian konsep keadilan Imam al-Ghazali dalam kitab *Nasihat al-Muluk*. Pengaplikasian tersebut berdasarkan sepuluh konsep utamanya, iaitu memerintah mengikut syariat Allah SWT, berdamping dengan para ulama, tidak zalim, pemaaf, tidak memaksa rakyat, tidak abaikan tugas dan tanggungjawab, tidak bermewah-mewahan, bertindak secara berhikmah dan bijaksana, sentiasa bermuafakat, dan tidak berhukum kerana menjaga nama dan pangkat. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sepuluh wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai*, setiap wasiat menyuruh para raja memerintah menurut syariat Allah SWT, dan raja yang memerintah mengikut wasiat, negaranya menjadi makmur dan kuat manakala raja yang memerintah mengingkari wasiat, negaranya mudah jatuh ke tangan musuh. Dengan itu jelas bahawa teks *Hikayat Raja Pasai* mampu mengungkap

peranan wasiat sebagai satu khazanah nasihat yang bermakna kepada para pemerintah Islam kini, yang akhirnya kecemerlangan kerajaan Islam Nusantara dahulu akan berulang semula dengan lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE ROLE OF WILLS IN *HIKAYAT RAJA PASAI* BASED ON THE CONCEPT
OF JUSTICE AL-GHAZALI**

By

ABDUL RAHMAN BIN IDRIS

August 2018

Chair : Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This research aims to study in details the wills of *Hikayat Raja Pasai*, based on Al Ghazali's concept of justice in *Kitab Nasihat al-Muluk*. As research is conducted, there are exhausted systematic sources can be found which leads to the construction of this research. This is because this literary work is the oldest Malay historiography where the previous studies were only focusing on the study of the meaning, themes, plot developments and textual studies. Meanwhile, this research will focus on three objectives, first is to identify the wills in related to the feature of a leader as in *Hikayat Raja Pasai*. Secondly, to analyse the wills in the *Hikayat Raja Pasai* based on the characteristics of a just leader according to Imam al-Ghazali in his book. Thirdly, to conclude the features of a leader based on the concept of justice of Imam al-Ghazali. This qualitative study focuses on the application of Imam al-Ghazali's concept of justice in the *Nasihat al-Muluk*. In accordance to the book, there are ten concepts of justice have been highlighted by Imam al-Ghazali which are; ruled in accordance with the law of Allah SWT, always be in line with Islamic Scholars or *Ulama*, not doing a tyranny, forgiving, not forsaking the people, did not neglecting the duties and responsibilities, be humble, be wise, always looking for consensus, and do not being unjust in keeping the name and rank. Findings have shown that there are ten wills in *Hikayat Raja Pasai* that commanding the kings to rule the countries according to the rules of Allah SWT and the king that rules the land in line with the wills, the country becomes prosperous and strong, and vice versa. These are the strong evidents that the text of the *Hikayat Raja Pasai* is able to reveal the role of a will as a meaningful treasury of advice to the present Islamic rulers in order to bring back the glorious history of the previous Islamic Nusantara Government.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Selawat dan salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan Izin dan Inayah-Nya maka kajian ini dapat disempurnakan dengan baiknya serta dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada kesempatan ini saya menghadiahkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad selaku ketua penyelia yang banyak memberikan semangat dan sumbangan berhubung dengan kajian yang saya lakukan. Tidak dilupakan kepada jawatankuasa penyeliaan, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Zariat bin Abdul Rani dan Prof. Madya Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, jutaan terima kasih saya hulurkan di atas bantuan dan sokongan yang diberikan kepada saya. Sesungguhnya pengalaman melaksanakan tesis kajian bersama-sama dengan mereka yang sentiasa bersedia membantu dan memberikan komitmen yang tinggi sangat saya hargai. Ribuan terima kasih juga saya hulurkan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, khususnya Dekan; Timbalan Dekan Seksyen Siswazah dan Antarabangsa, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Azidan bin Abdul Jabar dan para pensyarah Fakulti terutamanya dari Jabatan Bahasa Melayu atas nasihat dan panduan sepanjang pembelajaran ini.

Penghargaan dan terima kasih juga saya tujuarkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Pahang khususnya Unit Latihan dan Kemajuan Staff, iaitu Pn Zahira bt Hj. Abd Mubin dan En. Nordan bin Abu Bakar. Tidak ketinggalan juga kepada seluruh rakan guru di daerah Pekan serta anak didik yang sentiasa bersama-sama memberikan sokongan untuk saya meneruskan pengajian ini, terutamanya rakan-rakan di PPKI dan PPM SMKPJ. Malah tidak ketinggalan juga kepada warga Perpustakaan Awam Terengganu Cawangan Kemaman dan kakitangan Perpustakaan Awam Pahang Cawangan Pekan.

Untuk semua ahli keluarga, terima kasih tidak terhingga atas doa, perhatian, dan harapan kalian yang menjadi pendorong bernilai dalam gerak kerja saya menelusuri langkah kajian ini hingga ke penghujungnya. Rasa penghargaan ini juga dikongsikan bersama-sama Allahyarham Ayahanda dan Allahyarhamah Bonda, iaitu Haji Idris bin Jusoh dan Hajah Nik binti Mahmud yang ‘dalam ada’ menjadi sumber inspirasi untuk saya meneruskan perjuangan ini. Didoakan semoga kedua duanya ‘bahagia’ di sana menyaksikan kejayaan ini. Kejayaan ini tidak bermakna tanpa pertolongan yang ikhlas daripada isteri tersayang (Rosnaza@Manja bt. Abdul Razak) dan anakanda (Nur Ruqaiyah, M.Uwais Al-Qorni, M.Ashabul Yamiin dan M. Abdullah Al-Azam). Setiap pergobanan kalian pasti diberkati oleh Allah SWT hendaknya.

Akhir sekali, penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung membantu dan bersama-sama saya melalui dan mencorakkan kenangan ‘pahit dan manis’ semasa menyiapkan kajian ini. Perhatian dan kebersamaan kalian amat bermakna kepada saya dan semoga dengannya kalian semuanya dirahmati Allah SWT.

**Abdul Rahman bin Idris
FBMK, UPM**



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Mohd Zariat bin Rani, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan semuanya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain samada di Universiti Putra Malaysia atau di Institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No Matrik: Abdul Rahman bin Idris GS39458

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakui bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Professor Madya Dr. Zariat bin Abdul Rani

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Professor Madya Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	vii
SENARAI SINGKATAN	xiii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Penyataan Masalah	4
Persoalan Kajian	11
Objektif Kajian	13
Bahan Kajian	13
Batasan Kajian	16
Kepentingan Kajian	16
Definisi Konsep	17
Wasiat	17
Hikayat	18
Keadilan	18
2 SOROTAN LITERATUR	20
Pengenalan	20
Kajian Tentang Wasiat dan Peranannya	20
Kajian Tentang Konsep Keadilan	24
Kajian Hikayat Raja Pasai	27
Pengkaji-Pengkaji Hikayat Raja Pasai	28
3 METODOLOGI	49
Pengenalan	49
Konsep Keadilan Nasihat al-Muluk	51
Huraian Konsep Keadilan al-Muluk	52
Konsep Pertama	52
Konsep Kedua	52
Konsep Ketiga	53
Konsep Keempat	53
Konsep Kelima	54
Konsep Keenam	54
Konsep Ketujuh	54
Konsep Kelapan	55

Konsep Kesembilan	55
Konsep Kesepuluh	56
Konsep Keadilan daripada Pandangan	56
Tokoh-Tokoh Ilmuwan	
Kerangka Kajian	68
Huraian Kerangka Kajian	68
Analisis Data	69
4 HASIL DAPATAN	
Pengenalan	71
Peranan Wasiat dalam Hikayat Raja Pasai	71
Berdasarkan Konsep Keadilan al-Ghazali dalam Nasihat al-Muluk	71
Mengenalpasti Wasiat Berkaitan Ciri Pemimpin dalam Hikayat Raja Pasai	71
Wasiat 1: Wasiat Rasulullah kepada Pembesar di Mekah	71
Wasiat 2: Wasiat Rasulullah kepada Merah Silau	73
Wasiat 3: Wasiat Sultan Malikul Saleh kepada Rakyat Jelata	74
Wasiat 4: Wasiat Sultan Malikul Saleh kepada Pembesar	75
Wasiat 5: Wasiat Sultan Malikul Saleh kepada Cucunda	77
Wasiat 6: Wasiat Sultan Malikul Mahmud kepada Sultan Ahmad	80
Wasiat 7: Wasiat Tun Beraim Bapa Kepada Rakyat	82
Wasiat 8: Wasiat Tun Beraim Bapa Kepada Pembesar	83
Wasiat 9: Wasiat Tun Beraim Bapa Kepada Malik Akasan	84
Wasiat 10: Wasiat Tuan Puteri Gemerencang kepada Rakyat	86
Menganalisis Wasiat dalam Hikayat Raja Pasai Berdasarkan Ciri Pemimpin yang Adil Menurut Imam al-Ghazali dalam Nasihat al-Muluk	88
Wasiat 1: Wasiat Rasulullah kepada Pembesar di Mekah	88
Wasiat 2: Wasiat Rasulullah SAW kepada Merah Silau	99
Wasiat 3: Wasiat Sultan Malikul Saleh kepada Rakyat	110
Wasiat 4: Wasiat Sultan Malikul Saleh kepada Pembesar	113
Wasiat 5: Wasiat Sultan Malikul Saleh kepada Cucunda	127
Wasiat 6: Wasiat Sultan Malikul Mahmud kepada Sultan Ahmad	150
Wasiat 7: Wasiat Tun Beraim Bapa Kepada	166

Rakyat	
Wasiat 8: Wasiat Tun Beraim Bapa Kepada Pembesar	171
Wasiat 9: Wasiat Tun Beraim Bapa Kepada Malik Akasan	175
Wasiat 10: Wasiat Tuan Puteri Gemerencang kepada Pengiringnya	179
Merumus Ciri Pemimpin Berdasarkan Konsep Keadilan Imam al-Ghazali dalam Nasihat al-Muluk	187
Konsep 1	187
Konsep 2	189
Konsep 3	189
Konsep 4	190
Konsep 5	192
Konsep 6	192
Konsep 7	193
Konsep 8	193
Konsep 9	194
Konsep 10	195
5 KESIMPULAN	199
Rumusan	199
Mengenalpasti Wasiat-Wasiat dalam Hikayat Raja Pasai	200
Menganalisis Wasiat-Wasiat dalam Hikayat Raja Pasai Berdasarkan Ciri-Ciri Pemimpin yang Adil Menurut Nasihat al-Muluk Karangan Imam al-Ghazali	204
Merumus Ciri Pemimpin Berdasarkan Konsep Keadilan al-Ghazali dalam Nasihat al-Muluk	213
Cadangan	215
Penutup	216
BIBLIOGRAFI	218
LAMPIRAN	228
BIODATA PELAJAR	233
SENARAI PENERBITAN	234

SENARAI SINGKATAN

<i>HRP</i>	<i>Hikayat Raja Pasai</i>
<i>SWT</i>	<i>Subhanahu Wa Taala</i>
<i>SAW</i>	<i>Sallallahu Alaihi Wasallam</i>
<i>ra</i>	<i>RadiAllahu Anhu</i>



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Kesusasteraan merupakan hasil seni yang menggunakan bahasa, daya kreatif, dan imaginatif dalam menggambarkan pengalaman manusia. Kesusasteraan juga mengandungi nilai-nilai kehalusan, perasaan, intuisi, harapan, emosi dan pelbagai jenis unsur kejiwaan manusia yang lain. Kesusasteraan juga merupakan penceran hidup manusia yang menggambarkan masyarakat dan budaya mereka. Tegasnya, kesusasteraan merupakan cerminan masyarakat yang terjelma dalam beraneka bentuk atau genre sebagai hasil daya reka manusia dengan menggunakan bahasa yang indah sebagai medianya.

Kedatangan Islam ke alam Melayu menyebabkan kesusasteraan Melayu mula dipengaruhi dengan pengaruh Islam. Islam telah memberikan sesuatu yang berharga bagi pertumbuhan dan perkembangan kesusasteraan Melayu di Nusantara. Unsur-unsur Islam telah diresap dan diterapkan secara yang amat indah dalam pantun, syair, gurindam, seloka, nazam, hikayat-hikayat dan epik Melayu. Keindahan sastera Melayu klasik bukan sahaja kerana bakat pengarangnya, tetapi juga kefahaman mereka kepada nilai-nilai keislaman. Dengan nilai-nilai ini dapatlah dibina masyarakat yang sihat. Sindiran yang halus tetapi tajam ditujukan kepada pihak raja sebagai pemerintah. Raja pula ikut sama menganjurkan penulisan dan penafsiran ilmu-ilmu sejarah, tasauf serta falsafah Islam. Hal ini sejajar dengan kenyataan Syed Naquib al-Attas bahawa Islam sebagai al-Din telah membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja dalam kalangan istana malah merebak dalam kalangan rakyat jelata (Syed Naquib al-Attas, 1972: 20).

Shahnon Ahmad (1981: 98) pula menyatakan bahawa karya-karya yang berpusat di istana-istana itu lebih untuk menakjubkan rakyat jelata tentang kebesaran dan keagungan raja sebagai memiliki sifat-sifat di luar dugaan, menyamakan diri dengan para dewa dari kayangan yang melebihi taraf orang biasa. Penonjolan kesusasteraan jenis pemujaan raja-raja sebagai dewa-dewa ini diperhebatkan lagi oleh beberapa orientalis dalam kajian mereka kerana sememangnya mereka amat takut kepada tenaga Islam yang sebenar. Ali Ahmad (1987: 7) juga sependapat dengan Shahnon Ahmad dengan menyatakan bahawa terdapat juga karya-karya yang terhasil di istana memperlihatkan ciri-ciri yang umum dan dapat digolongkan kepada satu jenis karya yang tersendiri. Karya-karya ini sekiranya dipandang dari sudut bentuk, pemilihan bahan dan olahannya merupakan hasil kreatif tertinggi penulis-penulis peribumi kerana di istana-istana inilah tempat berkumpulnya para cendekiawan Melayu pada zaman tradisi. Hasil karya yang terhasil di istana-istana ini dijeniskan sebagai sastera sejarah. Ismail Hamid (1987: 187) pula menyatakan bahawa sastera sejarah sering kali memakai judul pemulaannya

seperti hikayat, silsilah, salasilah dan tawarih. Contohnya, *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Silsilah Melayu dan Bugis*, dan *Tawarih Salasilah negeri Kedah*. Adakalanya bahasa Arab digunakan sebagai judul seperti *Tuhfat Al-Nafis*.

Bagi Hashim Awang (1985: 43) pula sastera sejarah merupakan penulisan masyarakat Melayu yang bercorak seni. Karya sastera sejarah ini mengisahkan jurai keturunan raja-raja pada sebuah negara kota. Karya-karya sastera sejarah ini tidak dapat dianggap sebagai hasil penulisan sejarah sebenar kerana padanya terdapat juga unsur-unsur khayalan atau dongeng dan puisi yang indah kerana itulah karya-karya tersebut lebih sesuai disebut sebagai hasil sastera sejarah. Lanjutan daripada penyataan-penyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa karya-karya sastera sejarah mampu menjadi dokumen penting untuk mengungkap peristiwa silam, susunan masyarakat, kepercayaan, politik, sejarah negara kota dan sebagainya tentang sesuatu masyarakat. Lantaran itu jugalah maka *Hikayat Raja Pasai (HRP)* yang merupakan salah satu daripada karya-karya sastera sejarah dalam bentuk prosa dipilih untuk dianalisis teksnya. Semoga hasil kajian ini dapat mengungkapkan peranan wasiat yang terdapat dalam karya ini.

Hikayat Raja Pasai (seterusnya *HRP*) merupakan karya historiografi Melayu yang tertua sekali. Persoalan yang menarik di sini ialah bagaimanakah pengaruh Islam boleh terdapat dalam *HRP* ini sedangkan *HRP* merupakan karya historiografi Melayu yang tertua sekali. Pengaruh Islam perlu dilihat dalam *HRP* kerana daripada pengaruh Islam inilah maka peranan wasiat dapat dicungkil apabila diteliti sepenuhnya isi-isi yang terdapat dalam *HRP*. Sejarah kedatangan Islam di alam Melayu mesti diimbaukan untuk melihat keterlibatan pengaruh Islam dalam *HRP*. Terdapat pelbagai teori kedatangan yang telah dikemukakan oleh ahli sejarah tetapi kebanyakannya bersetuju bahawa agama Islam mula bertapak di alam Melayu selepas abad ke-7 Masihi. Liaw Yock Fang (1978: 124) menyokong penuh kenyataan bahawa Islam sudah bertapak di Alam Melayu pada abad ke-7 Masihi lagi dengan penemuan batu nisan seorang wanita Islam yang bernama Fatimah binti Maimun ibnu Hibatullah pada tahun 1802 Masihi menunjukkan bahawa agama Islam telah tersebar di alam Melayu pada abad ke-11 Masihi. Ismail Hamid (1988: 98) pula menyandarkan pernyataannya kepada laporan sejarah yang terdapat di China untuk membuktikan bahawa agama Islam mula bertapak sejak abad ke-10 lagi. Hal ini jelas seperti dalam petikan berikut:

“...terdapat satu laporan sejarah negeri China pada 977 masih, seorang utusan beragama Islam bernama Pu Ali (Abu Ali) telah mengunjungi negeri China bagi mewakili sebuah negeri di alam Melayu. Ini telah menunjukkan bahawa agama Islam telah bertapak di alam Melayu semenjak abad ke-10 M lagi.”

Mengikut Darus Ahmad (1965: 113), raja yang mula-mula memeluk agama Islam ialah Merah Silau yang menukar namanya kepada Sultan Malikul Saleh. Nesan baginda yang bertarikh 1297 Masihi telah ditemui. Sultan Malikul Saleh ini merupakan pengasas kerajaan Pasai seperti yang tercatat dalam *HRP*. Umar Junus (1986: 68-70) juga melihat jurai keturunan raja-raja Pasai dan asal usul wujudnya Samudera Pasai. Pengkaji menyatakan bahawa *Hikayat Raja-Raja Pasai* bermula dengan Raja Muhammad dan Raja Ahmad kemudian diturunkan kepada Merah Gajah dan Puteri Betong yang melahirkan Merah Hasum dan Merah Silau. Merah Silau akhirnya membuka negeri Samudera apabila anjingnya si Pasai menemui pelanduk yang gagah. Tempat itu dijadikan negeri dan dinamakan Pasai kerana anjingnya si Pasai dikuburkan di situ. Kemudian Merah Silau diislamkan oleh Nabi Muhammad s.a.w dalam mimpiinya. Kemudian datanglah Syeikh Ismail untuk mengajar Malikul Saleh.

Zainuddin Saad (1986: 118-119) pula telah membuat kajian terhadap *Hikayat Raja Pasai* dengan memulakan kajianya melalui sinopsis *Hikayat Raja Pasai*, iaitu bermula daripada Raja Ahmad dan Raja Muhammad dan berakhir dengan kejatuhan Pasai oleh Majapahit. Dalam kajianya, pengkaji telah menghuraikan jurai keturunan bermula dengan Raja Ahmad dan Raja Muhammad bersaudara, kedua-duanya tidak mempunyai anak. Raja Muhammad telah memelihara Puteri Betong yang dijumpai dari dalam buluh betong. Raja Ahmad telah mendapat seorang anak lelaki di atas kepala gajah yang dipeliharanya dan diberi nama Merah Gajah. Puteri Betong dan Merah Gajah dikahwinkan lalu mendapat dua orang putera yang diberi nama Merah Hasum dan Merah Silau. Merah Silau telah membuka negeri Samudra di tempat dia bertemu seekor semut besar. Beliau kemudiannya telah diislamkan dalam mimpi oleh Nabi Muhammad SAW. Namanya telah ditukar kepada Malikul Saleh. Akhirnya Malikul Saleh telah berkahwin dengan puteri dari Perlak dan mendapat seorang putera bernama Malikul Zahir. Pada akhir cerita Sang Nata Majapahit sangat murka lalu menyerang Pasai kerana Sultan Ahmad telah menyebabkan puterinya iaitu Tuan puteri Gemerencang meninggal dunia. Sultan Ahmad terpaksa berundur dari Pasai lalu Pasai diduduki oleh Majapahit.

Zainon S. Ahmad (1988) juga melihat *Hikayat Raja Pasai* sebagai sebuah hasil karya yang lahir dalam zaman kerajaan Islam melalui tempoh masa yang tertentu. Pengkaji membahagikan zaman kerajaan Islam kepada 4 tahap, iaitu:

1. Zaman kerajaan Samudra-Pasai (1280 M– 1409 M)
2. Zaman Kerajaan Melayu Melaka (1409 M – 1511 M)
3. Zaman Kerajaan Aceh (1511 M – 1650 M)
4. Zaman Kerajaan Johor-Riau (1650 M – 1800 M)

Dalam zaman kerajaan Samudera Pasai inilah wujudnya usaha perdagangan dan perkembangan agama Islam serta kebudayaan. Pada zaman Sultan Malikul Saleh inilah pengaruh penyebaran Islam mula terserlah dengan penerimaan Islam hampir keseluruhan penduduk tempatan. Pada zaman

Samudera Pasai inilah lahirnya pelbagai hasil-hasil karya kesusasteraan bercorak Islam antaranya *HRP* yang mengisahkan zaman awal kerajaan Melayu Pasai, kemasukan Islam di Pasai dan zaman kegemilangan kerajaan Melayu Pasai yang akhirnya berakhir di tangan Majapahit.

Jadi jelaslah bahawa terdapatnya pengaruh Islam yang begitu menonjol dalam *HRP* ini kerana pemerintahnya iaitu pengasas kepada kerajaan Pasai beragama Islam. Maka tidak hairanlah kalau penulis *HRP* ini juga beragama Islam. Justeru, sudah pasti terdapatnya pengaruh Islam dalam *HRP*. Melalui pengaruh Islam yang terdapat dalam *HRP* inilah maka penulis akan melihat secara terperinci tentang peranan wasiat yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam karyanya.

Pernyataan Masalah

Wasiat yang terdapat dalam *HRP* bukanlah sesuatu yang disengajakan oleh pengarang kerana bagi penulis wasiat ini merupakan satu persoalan yang ingin diketengahkan oleh pengkaji kepada para pembaca agar dapat berfikir tentang kepentingan wasiat terhadap kedaulatan kerajaan Samudera Pasai. Penulis beranggapan begitu kerana pengarang memasukkan persolan wasiat ini, bermula daripada pesanan Rasulullah SAW hingga kepada Sultan Malikul Mahmud. Keupayaan para raja melaksanakan wasiat menyebabkan rajanya menjadi terkenal dan negara menjadi gah serta makmur malah mampu mengalahkan kerajaan yang kuat seperti Siam dan India. Apabila rajanya mula bertindak zalim dan mengabaikan wasiat, negara menjadi lemah dan akhirnya jatuh ke tangan Majapahit. Bertitik tolak daripada pernyataan inilah, penulis mula mengkaji kajian para penulis terdahulu untuk mencari kajian yang menjurus kepada peranan wasiat. Hasilnya penulis mendapati terdapat sebilangan kecil pengkaji yang mengkaji wasiat di dalam penulisan mereka, antaranya ialah Siti Hawa Hj. Salleh, Kamarudin Hj. Husin, Ali Ahmad, Jamsari Mokhtar dan Nawawee Mohammad.

Siti Hawa Hj. Salleh (2006: 42-43) telah melakukan kajian terhadap *Hikayat Raja Pasai* dengan memberikan perhatian kepada unsur mempraktikkan pentadbiran berketua, berpemimpin dan kesan perlanggaran wasiat. Semasa meyelidiki kajian ini pengkaji telah mengenal pasti permasalahan yang wujud, iaitu pemahaman konsep sejarah yang dipegang oleh masyarakat tradisional adalah tidak selari dengan pegangan para orientalis dan masyarakat kini. Malah mengapa konsep mitos dan lagenda yang sama diulang-ulang dalam penulisan sastera sejarah. Maka bertitik tolak daripada permasalahan inilah pengkaji telah menetapkan dua objektif yang perlu dicapai, iaitu melihat etika penulisan sastera sejarah dari matra masyarakat silam dan melihat kebijaksanaan dan daya kreativiti pengarang dalam memilih mitos dan lagenda untuk dipaparkan dalam penulisan mereka sebagai perlambangan demi mengharkatkan maruah raja. Pengkaji melihat kajian dari sudut pandang budaya Melayu yang amat tinggi akal budinya. Hasil kajiannya amatlah dinanti-nantikan oleh para pengkaji sastera sejarah sama ada para orientalis

dan sarjana-sarjana dari Timur kerana hasil kajian pengkaji merupakan pandangan seorang yang mengkaji sastera saejarah dari sudut pandang masyarakat Melayu tradisional yang bergelombang dengan pelbagai fahaman daripada pelbagai agama dari animisme, Hindu, Buddha dan Islam.

Siti Hawa Hj. Salleh juga melihat *Hikayat Raja Pasai* dari sudut wasiat yang menyebabkan perlanggaran wasiat oleh Sultan Ahmad menyebabkan Pasai jatuh ke tangan Majapahit. Pengkaji melihat wasiat sebagai medium yang memberi petunjuk atau peringatan kepada putera yang bakal menaiki takhta supaya berlaku adil dan akibat yang diterima apabila perlanggaran kepada wasiat berlaku. Sultan Ahmad kehilangan kerajaan apabila kalah kepada kerajaan Majapahit disebabkan kezaliman yang dilakukan oleh Sultan Ahmad hingga baginda terlupa kepada wasiat yang baginda mesti ikuti itu. Namun, Siti Hawa Salleh tidak memberikan penekanan terhadap peranan wasiat. Maka kelompongan yang tidak diisi ini akan penulis gunakan sepenuhnya untuk melakukan kajian terhadap peranan yang dimainkan oleh wasiat dalam *HRP*. Penulis seterusnya dari Universiti Malaya yang membuat kajian terhadap *Hikayat Raja Pasai*, iaitu Jamsari bin Mokhtar pada tahun 1998. Kajiannya bertajuk *Hikayat Raja Pasai: Pemikiran Tamadun Melayu*. Pengkaji melihat *Hikayat Raja Pasai* dari sudut pemikiran tamadun Melayu. Beliau melihat ketamadunan Pasai dari sudut pemikiran berdasarkan sistem kepercayaan, politik, pentadbiran, sosial, kebudayaan, dan aspek ekonomi. Pengkaji telah mengenal pasti masalah yang terdapat dalam kajian ini, iaitu tepatkah salasilah Pasai?, dan adakah kerajaan Samudera Pasai ini benar-banar wujud sebagaimana dinaratifikkan dalam teks *HRP*? Maka, bertitik tolak daripada permasalahan inilah, pengkaji telah menetapkan objektif yang perlu dicapai dalam kajiannya iaitu menghasilkan sebuah kajian yang terperinci tentang persejarahan tamadun Pasai, dan menetapkan status *HRP* dalam sastera sejarah Melayu. Jamsari Mokhtar (1998: 106) telah menyatakan bahawa kaedah yang digunakannya ialah pendekatan intrinsik dan estrinsik. Pendekatan intrinsik menggunakan interpretif, iaitu berasaskan kepada sesuatu fakta dalam sumber sejarah yang dihuraikan dan dikaitkan dengan tafsiran, tanggapan dan persepsi manakala pendekatan ekstrinsik pula menggunakan komperatif, iaitu berasaskan kepada perbandingan dengan teks berlainan naskah (edisi), teks sealiran dan sumber-sumber historis-relatif yang penting. Hal ini menunjukkan dengan jelas bahawa saudara Jamsari merupakan seorang pengkaji yang cukup yakin terhadap bidang kajiannya. Beliau berpendapat bahawa teks *Hikayat Raja Pasai* dipilih kerana *HRP* merupakan karya bahasa Melayu klasik yang tertua manakala Pasai merupakan sebuah pusat tamadun Melayu Islam yang mencerminkan pandangan hidup masyarakat Islam. Hasil dapatannya ialah melihat penggunaan wasiat sebagai alat peneguhan dan peluasan tema pengislaman di Pasai. Pengkaji memetik wasiat pertama daripada Sultan Malikul Salleh kepada dua Perdana Menterinya. Kemudian wasiat itu diperkuuhkan dengan wasiat kedua sultan Malikul Saleh kepada kedua-dua cucunya. Hal ini menunjukkan hubungan yang mesti dipatuhi oleh golongan pembesar dan juga kerabat diraja Pasai.

Beliau turut menyatakan bahawa tujuan wasiat kepada pembesar dan juga kepada kerabat diraja dengan melihat wasiat merupakan unsur terpenting dalam agama Islam. Wasiat kepada golongan pembesar merangkumi tanggungjawab hamba untuk memberikan pendidikan kepada putera-putera raja, tidak menderhaka kepada raja, jangan menganiayakan segala hamba Allah s.w.t. dan mematuhi ajaran Islam serta tidak mengerjakan amalan yang bertentangan dengan hukum Islam. Wasiat kepada kerabat diraja pula merangkumi kepentingan memelihara tanggungjawab, jangan tamak harta dunia, bermuafakat dalam segala tanggungjawab dan jangan berselisihan, memelihara akan kebaikan hambanya, mematuhi ajaran Islam dan bersikap adil serta saksama. Selain itu, pengkaji juga menyentuh tentang implikasi daripada tindakan melanggar wasiat dengan membahagikan implikasi perlenggaran wasiat kepada dua bentuk, iaitu implikasi dalaman dan implikasi luaran. Antaranya, peristiwa hukuman bunuh ke atas Sayid Semayamuddin dan kemangkatan Sultan Malikul Mansur serta kekalahan Pasai kerana keingkarann rajanya mengikut wasiat dan perlenggaran itu merupakan satu bala kepada Sultan Ahmad kerana baginya wasiat raja merupakan satu tradisi penting dalam tamadun Melayu Islam Pasai. Wasiat-wasiat ini mempunyai politik, pentadbiran undang-undang dan agama. Ketidakpatuhan kepada wasiat-wasiat yang dianggap suci ini akan menyebabkan raja-raja yang memerintah akan menerima bencana atau bala sama ada implikasi dari dalam atau luar negeri. Hakikatnya kekalahan Pasai kepada Majapahit merupakan satu bentuk bala kerana keingkarann rajanya, maka negeri ini telah kehilangan kepentingan peranannya sebagai sebuah pusat tamadun Melayu Islam.

Hasil dapatan Jamsari Mokhtar tentang wasiat yang terdapat dalam *HRP* ini jelas menunjukkan bahawa dapatan beliau hanya mengaitkan wasiat melalui watak-watak yang terdapat dalam *HRP*. Watak-watak tersebut dikaitkan dengan konsep ketaatan, kesetiaan dan penderhakaan. Konsep-konsep tersebut perlu dipikul oleh rakyat sebagai satu tanggungjawab yang khusus rakyat kepada para raja dengan menghalang berlakunya penderhakaan. Manakala tanggungjawab para raja pula ialah memerintah dengan penuh keadilan berpandukan wasiat para raja terdahulu. Pengkaji juga mengaitkan hubungan wasiat dengan implikasi pelanggaran wasiat yang terbahagi kepada dua, iaitu secara dalaman dan luaran apabila beliau menghubungkaitkan antara falsafah taubat para raja dan pembesar dalam *HRP* dengan kejatuhan kerajaan Pasai kepada Majapahit. Falsafah taubat diperjelaskan melalui peristiwa pembunuhan Sayid Semayamuddin dan kemangkatan Sultan Mansur. Akhirnya Sultan Malikul Tahir menyesal atas kesalahan yang telah baginda lakukan. Pengkaji juga menceritakan tentang kezaliman yang dilakukan oleh Sultan Ahmad hingga baginda terlupa kepada wasiat yang mesti baginda ikuti itu. Akhirnya beliau telah merumuskan bahawa kejatuhan kerajaan Pasai ke tangan Majapahit bukanlah kerana kelemahannya tetapi sebagai satu bentuk musibah. Musibah ini terjadi akibat daripada keingkarann rajanya mematuhi wasiat yang menyebabkan Pasai kehilangan kepentingan peranannya sebagai sebuah pusat tamadun Melayu Islam. Peranan wasiat tidak diberikan penekanan secara terperinci berpandukan mana-mana teori ataupun konsep yang tertentu. Maka kelompongan yang tidak diisi ini akan digunakan sepenuhnya oleh penulis untuk melakukan kajian terhadap peranan yang dimainkan oleh wasiat dalam *HRP* yang telah diperturunkan daripada

seorang raja kepada seorang raja yang akan mewarisi takhta kerajaan dalam tradisi keturunan kerajaan Pasai berpandukan konsep keadilan Imam al-Ghazali dalam *Nasihat al-Muluk*.

Nawawee Mohammad (1993) telah mengkaji *Hikayat Raja Pasai* yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* iaitu bahagian ketujuh, kelapan dan kesembilan. Melalui penulisan ini, pengkaji telah memperincikan bab ketujuh itu dengan menamakannya sebagai bab pengislaman negeri Samudera Pasai. Bab kelapan sebagai bab Sultan Malikut Tahir diculik. Bab kesembilan pula sebagai bab perselisihan Malikut Tahir dengan Malikul Mansor. Hasil dapatannya tentang wasiat ialah terdapat wasiat Sultan Malikul Salih kepada anaknya dan dua mangkubuminya iaitu Sidi Ali Ghiyathuddin dan Sidi Ali Hisamuddin, serta wasiat Malikul Tahir kepada anaknya Sultan Ahmad iaitu:

- i. Jangan menentang pendapat orang yang lebih dewasa.
- ii. Sebarang tindakan hendaklah melalui mesyuarat terlebih dahulu.
- iii. Jangan bertindak mengikut nafsu semata-mata, dan sesuka hati.
- iv. Banyakkan sabar, terutama apabila berhadapan dengan perkara keji.
- v. Jangan ambil hak orang lain sesuka hati atau dengan kaedah yang tidak betul.

Hasil dapatan Nawawee Mohammad tentang wasiat yang terdapat dalam *HRP* ini jelas menunjukkan bahawa dapatannya hanya menjurus kepada perkembangan plot cerita. Pengkaji juga mengaitkan perkembangan plot cerita dengan watak-watak yang terdapat dalam *HRP* terhadap konsep ketaatan dan kesetiaan rakyat kepada para raja. Kesetiaan dan ketaatan inilah yang berupaya menghalang berlakunya penderhakaan rakyat terhadap para raja yang memerintah dengan keadilan berpandukan wasiat para raja terdahulu. Pengkaji juga mengaitkan hubungan wasiat dengan falsafah taubat para raja dalam *HRP* serta menceritakan kezaliman yang dilakukan oleh Sultan Ahmad apabila baginda terlupa kepada wasiat yang perlu baginda ikuti. Hal ini menyebabkan kejatuhan kerajaan Pasai ke tangan Majapahit. Melalui penulisan ini, pengkaji berharap agar kajian ilmiah ini dapat menyalurkan pengetahuan yang bermakna kepada para pembaca supaya mereka dapat memahami sepenuhnya *Sejarah Melayu* terutamanya bab tujuh, lapan dan sembilan tentang *HRP*. Hasil dapatan beliau tidak memberikan penekanan terhadap peranan wasiat secara terperinci berdasarkan mana-mana teori atau pun konsep yang tertentu. Maka kelompongan yang tidak diisi ini akan penulis gunakan sepenuhnya untuk melakukan kajian terhadap peranan wasiat dalam *HRP* yang telah diperturunkan daripada seorang raja kepada seorang raja yang akan mewarisi takhta kerajaan dalam tradisi keturunan kerajaan Pasai berpandukan konsep keadilan Imam Al Ghazali dalam *Nasihat al-Muluk*.

Pengkaji seterusnya ialah Kamarudin Hj. Husin (1992: 32-39) telah mengkaji unsur waadat dan wasiat dalam *Sejarah Melayu* berdasarkan bab 7, 8, dan 9 yang melibatkan *HRP*. Pengkaji melihat waadat dari maksud perjanjian, wasiat pula bermaksud pusaka yang ghaib. Beliau berharap agar kajian ilmiah ini

dapat menyalurkan pengetahuan yang bermakna kepada para pembaca supaya mereka dapat memahami sepenuhnya Sejarah Melayu khususnya bab tujuh, lapan dan sembilan tentang *HRP*. Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian teks serta melihat pelbagai fakta sejarah dalam *HRP* dari perspektif kebijaksanaan pengarang melaksanakan titah sultan dan menilai kedudukan *HRP* dalam status sastera sejarah Melayu, yang terdapat dalam karya Sejarah Melayu. Selain itu, beliau juga melihat jenis-jenis wasiat yang menyentuh berkenaan raja-raja Pasai yang membentuk akhlak dan pekerti mulia serta mempunyai mesej yang murni kepada penerimanya dengan tujuan raja dan bakal-bakal raja supaya mentaati perintah Allah.

Hasil daptan Kamarudin Hj. Husin tentang wasiat yang terdapat dalam *HRP* ini jelas menunjukkan bahawa dapatannya hanya menjurus kepada maksud wasiat. Wasiat dimaksudkan sebagai pesanan terakhir yang diberikan oleh orang yang hendak meninggal dunia. Kebiasaannya wasiat disampaikan oleh seseorang yang hendak meninggal dunia kepada bakal-bakal pengantinya sama ada daripada raja kepada bakal raja atau daripada bendahara kepada bakal bendahara. Setiap wasiat itu mestilah dipatuhi berdasarkan adat dan kepercayaan agama. Oleh sebab itu wasiat dianggap suci dan perlu dihormati. Pengkaji hanya menyentuh sebilangan kecil peranan wasiat. Peranan wasiat secara khususnya tidak diberikan penekanan, oleh itu kelompok yang tidak diisi ini akan penulis gunakan sepenuhnya untuk melakukan kajian terhadap peranan yang dimainkan oleh wasiat dalam *HRP* secara terperinci berpandukan konsep keadilan Imam al-Ghazali dalam *Nasihat al-Muluk*.

Menurut Ali Ahmad (1987: 40-44) yang telah membuat kajian *Hikayat Raja Pasai* melalui penulisannya yang bertajuk *Karya-Karya Sastera Bercorak Sejarah* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Ketika penulisan ke atas *HRP* ini dilakukan, pengkaji sudah mengenal pasti tiga masalah yang terdapat dalam kajian ini, iaitu status *HRP* dalam kalangan sastera historiografi Melayu, kebanyakan sarjana-sarjana Barat memberi nilai yang rendah terhadap sastera sejarah terutamanya para orientalis. Mereka tidak dapat melihat daya kreatif dan kebijaksanaan pengarang *HRP* ini. Pengkaji seterusnya telah meletakkan tiga objektif yang hendak dicapai, iaitu meletakkan *HRP* pada kedudukan yang pasti dalam sastera sejarah Melayu, memberikan nilai yang sebenar terhadap daya kreativiti dan kebijaksanaan pengarang *HRP* dan seterusnya menolak hujah-hujah dangkal orientalis Barat terhadap sastera sejarah Melayu. Ali Ahmad ketika mengkaji teks *HRP* ini telah menggunakan manuskrip Ms. No 67. Kajian yang pengkaji lakukan itu lebih berfokus kepada analisa sastera untuk memberikan nilai yang sebenar terhadap nilai kebijaksanaan dan kreativiti pengarang agar *HRP* ini dapat diharkatkan pada kaca mata sarjana-sarjana Barat terutamanya para orientalis mereka. Lantas beliau telah membahagikan kajiannya kepada tiga bahagian utama iaitu pendahuluan, ringkasan cerita, dan analisa sastera. Kajian ini telah menggunakan kaedah penganalisaan teks. Metodologi ini jika dikaji secara mendalam pasti mampu membawa hasil yang amat menarik terutamanya ketika menilai persamaan dan perbezaan dengan Sejarah Melayu. Hasil dapatannya dapat dilihat dalam tiga dimensi, iaitu pendahuluan, ringkasan cerita dan analisa sastera.

Untuk tujuan penulisan kajian ini, penulis memfokuskan kepada penekanan wasiat yang menjadi tajuk asas dalam kajian penyelidikan ini. Ali Ahmad (1987: 40) menyatakan dengan jelas bahawa wasiat berperanan sebagai peneguhan atau perluasan tema penulisan *Hikayat Raja Pasai*. Pengkaji berpendapat pengarang mungkin ingin menyampaikan mesej betapa pentingnya satu-satu wasiat itu terhadap orang Melayu dengan menyatakannya dalam peristiwa-peristiwa sejarah dengan tujuan mengajar mereka tentang kebenaran. Hal ini juga dipertunjukkan melalui falsafah taubat. Kenyataan ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Peneguhan atau perluasan temanya diperjelaskan dalam bentuk wasiat pertama daripada Malikul-Salleh kepada anak-anaknya dan kedua menterinya (ada tanggungjawab hamba untuk tidak menderhaka kepada raja, ada tanggungjawab raja untuk tidak menganiaya hambanya, ada tanggungjawab raja untuk mengikuti akan ajaran Allah S.W.T. serta berdakwah untuknya). Barangkali pengarang mahu menunjukkan pentingnya satu-satu wasiat itu, atau dalam kepercayaan orang-orang Melayu sendiri peristiwa-peristiwa sejarah mengajar akan kebenaran... Di sini dipertunjukkan falsafah taubat dan tarikan roh yang biasa di dalam ajaran Islam. Kedua-dua raja telah terhukum akan keterlanjuran masing-masing iaitu seorang dengan dibuang negeri dan seorang melalui keinsafan. Dosa Malikul-Mahmud kerana melanggar undang-undang wasiat tidak begitu besar bagi mengakibatkan satu bala (rujuk dan bandingkan dengan konsep catastrophe di dalam tragedi Greek) ke atasnya.”

(Ali Ahmad, 1987: 40)

Ali Ahmad telah melakukan penelitian terhadap unsur pengislaman yang memfokuskan kepada peranan wasiat tersebut yang dimulai dengan wasiat Sultan Malikul-Salleh yang diakhiri dengan kejatuhan Pasai dalam zaman pemerintahan Sultan Ahmad yang melanggari wasiat raja-raja terdahulu. Pengkaji melihat pemusatan pengarang pada dua corak kepercayaan adat dan Islam dengan meletakkan kedua-duanya dalam satu landasan yang dinamakan wasiat. Kenyataan Ali Ahmad (1987: 42) dapat dilihat daripada petikan di bawah:

“... perihal di atas dapat dilihat jika kembali kepada persoalan wasiat. Pertama kali kita mengenal wasiat apabila Nabi Muhammad berbicara tentang adanya negeri Pasai dan negeri itulah yang nantinya pasti diislamkan. Segalanya berjalan baik sekiranya wasiat disempurnakan. Tetapi sebaliknya wasiat boleh mendatangkan sesuatu kepada mereka yang tidak menghargainya. Wasiat sebagai amanah adalah suatu yang suci di dalam Islam. Ini disedari dalam kata-kata Sultan Malikul-Salleh... pengislaman ini bertapak pada satu kebudayaan yang telah sedia ada dengan nilainya yang tersendiri.”

Melalui penekanan wasiat, Ali Ahmad juga menyatakan bahawa wasiat merupakan perhubungan antara rakyat dengan pemimpin, maka wujudlah kedaulatan raja dan pengharaman penderhakaan rakyat. Pengkaji juga menyatakan bahawa kesucian wasiat itu dipancarkan dalam aksi-aksi menaik melalui perkembangan plot sehingga menuju kemuncak. Justeru, beliau menyatakan bahawa wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai* melambangkan harga diri yang mesti dipertahankan dalam satu kehidupan di sebuah negeri Islam yang terawal di alam Melayu. Hal ini jelas dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

"Pastinya juga pengislaman ini bertapak pada satu kebudayaan yang telah sedia ada dengan nilainya yang tersendiri. Perhubungan antara raja dan rakyat merupakan satu pertalian saling mengerti. Raja menghormati maruah hambanya yang diperintah manakala rakyat mengakui kedaulatan raja, yang bererti mengharamkan penderhakaan...peringkat-peringkat kesucian wasiat ini merupakan ciri yang paling menarik dalam struktur *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Aksi-aksi bergerak naik menuju kepada satu puncak...garis menaik ini teratur ketegangan yang dipertahankan oleh negaranya hingga kepada satu titik di mana wira (Tun Beraim Bapa) dalam krisis kezaliman lawan penderhakaan tidak dapat mempertahankan kedudukannya... kezaliman Tun Abdul Jalil oleh Raja Ahmad menjadi pengujian terakhir apa yang dinamakan bala...*Hikayat Raja-Raja Pasai* ... mempunyai tujuan yang lebih suci, iaitu merakamkan satu kehidupan sebuah negeri Islam pertama di bawah angin... ada satu harga diri (digniti) yang mahu dipertahankannya... dengan demikian timbul implikasi bahawa kekalahan Pasai bukan oleh kelemahan Pasai tetapi benar-benar satu bala yang di luar kuasa manusia, datangnya dari kesalahan yang tidak terampun kerana mengabaikan wasiat suci."

(Ali Ahmad, 1987: 43)

Ali Ahmad juga mengaitkan peranan wasiat dengan pandangan hidup pengarang. Pengkaji menyatakan bahawa pandangan hidup pengarang dipaparkan dalam sejarah pengislaman Pasai, kehidupan sosial masyarakat Pasai terutamanya di istana. Beliau juga menganggap wasiat sebagai satu simbolik dalam menentukan jatuh bangunnya Pasai. Hal ini jelas dapat di lihat melalui petikan berikut:

"Kita boleh menyusuri kepentingan wasiat dihubungkan dengan pandangan hidup pengarang *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Jelas pengarang *Hikayat Raja-Raja Pasai* ada penglibatan (komitmen) kepada menggambarkan satu kebenaran daripada sejarah budaya negeri Pasai... Pasai merupakan pusat pertapanan Islam. Justeru itu mesti memperlihatkan kebenaran salah satu falsafah Islam yang sesuai dalam hubungannya dengan kebudayaan Pasai... dan kebudayaan Pasai adalah kehidupan di istana, termasuk di dalamnya hukum kerajaan, hubungan keturunan, hubungan ketaatan lawan penderhakaan, peranan gundik dan termasuk juga penghormatan pada

kesucian Islam yang baru bertapak... corak kebudayaan adat dan Islam ini meletakkan kedua-duanya di dalam satu vehicle (landasan) yang dinamakan wasiat itu. Sesungguhnya wasiat itu menjadi satu simbolik pendahuluan yang menentukan hidup atau matinya Pasai. Wasiat itu harus hidup, bergerak dan bernyawa, dipelihara dan dipercayai seperti sebuah jam yang menentukan perjalanan masa secara simbolik... kalau ia mati maka kehidupan di dalam Pasai... hilang kesejahteraan lalu melibatkan kerosakan pada negerinya itu."

(Ali Ahmad, 1987: 43-44)

Kedua-dua golongan ini saling mengerti tentang konsep kedaulatan dan penderhakaan yang berkait rapat dengan kesucian wasiat yang mesti dipatuhi kerana perlanggaran wasiat akhirnya menyebabkan kekalahan Pasai. Malah pengkaji menyatakan bahawa kekalahan Pasai kepada Majapahit bukan kerana kelemahannya tetapi kerana satu bala yang di luar kuasa manusia, datangnya dari kesalahan yang tidak terampun kerana mengabaikan wasiat suci.

Hasil dapatan Ali Ahmad tentang wasiat yang terdapat dalam *HRP* ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa dapatannya hanya menjurus kepada perkembangan plot cerita dengan mengaitkannya melalui watak-watak yang terdapat dalam *HRP*. Watak-watak tersebut dikaitkan dengan konsep ketaatan, kesetiaan rakyat kepada para raja dengan menghalang berlakunya penderhakaan rakyat terhadap para raja. Hal ini terjadi kerana para raja yang memerintah dengan keadilan berpandukan wasiat para raja terdahulu. Wasiat juga dikaitkan dengan falsafah taubat para raja dalam *HRP*. Pengkaji juga menceritakan tentang kezaliman yang dilakukan oleh Sultan Ahmad hingga baginda terlupa kepada wasiat yang baginda mesti ikuti itu. Akhirnya pengkaji telah merumuskan kejatuhan kerajaan Pasai ke tangan Majapahit bukanlah kerana kelemahannya tetapi satu bala yang di luar kuasa manusia, datangnya dari kesalahan yang tidak terampun kerana mengabaikan wasiat suci.

Peranan wasiat tidak diberikan penekanan secara terperinci berpandukan mana-mana teori ataupun konsep yang tertentu. Justeru, kelompongan yang tidak diisi ini akan penulis gunakan sepenuhnya untuk melakukan kajian terhadap peranan yang dimainkan oleh wasiat dalam *HRP*. Penulis akan menggunakan konsep keadilan Imam al-Ghazali dalam *Nasihat al-Muluk* untuk menganalisis peranan wasiat.

Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pengamatan terhadap kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Siti Hawa Hj.Salleh, Ali Ahmad, Kamaruddin Hussein, Nawawee Mohammad dan Jamsari Mokhtar tentang wasiat dalam wasiat *HRP* sebagaimana yang telah diperjelaskan di atas. Maka daripada kajian ini diharapkan dapat membangkitkan beberapa permasalahan:

- 1) Tiadanya kajian yang secara komprehensif menganalisis wasiat-wasiat dalam *HRP*. Sehingga kini dan sebagaimana yang diperlihatkan di atas, kajian-kajian ilmiah sedia ada hanya menyentuh tentang wasiat secara umum tetapi lebih memfokuskan dalam konteks perbincangan tentang topik-topik yang lain. Umpamanya kajian Siti Hawa Hj.Saleh, lebih memfokus kepada konsep perlanggaran wasiat yang akhirnya Pasai jatuh ke tangan Majapahit. Begitu juga dalam kajian Kamarudin Hj.Husin yang lebih memfokuskan kepada maksud wasiat dan kesan kepada pelanggaran wasiat oleh Sultan Ahmad. Ali Ahmad pula lebih berfokuskan kepada perkembangan plot cerita yang mengaitkannya dengan wasiat. Wasiat-wasiat itu diperjelaskannya dalam perkembangan cerita dan akhirnya dikaitkan dengan kejatuhan Pasai kepada Majapahit akibat pelanggaran wasiat oleh Sultan Ahmad. Bagi Nawawee Mohammad pula, kajiannya lebih berfokus kepada isu wasiat terhadap watak-watak yang menurunkan wasiat dalam *HRP*, iaitu Sultan Malikul Saleh dan Sultan Malikul Tahir kepada anaknya Sultan Ahmad yang akhirnya Pasai jatuh ke tangan Majapahit akibat bala yang ditimpakan kepada Raja Ahmad kerana melanggar wasiat. Manakala bagi Jamsari Mokhtar, kajian tertumpu kepada wasiat dari matra tamadun pemikiran Melayu dengan mengupas wasiat dari konsep tanggungjawab rakyat kepada pemerintah serta peranan raja sebagai payung rakyat. Pengkaji juga menyentuh tentang kesan pelanggaran wasiat secara dalaman dan luaran dengan mengaitkannya melalui peristiwa taubat dan kejatuhan Pasai ke tangan Majapahit. Hasil dapatan daripada para pengkaji-pengkaji jelas menunjukkan bahawa soal wasiat dalam *HRP* sehingga kini belum lagi dianalisis secara terperinci. Dalam konteks inilah, maka penulis akan berusaha untuk menghuraikan secara terperinci peranan wasiat-wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai*.
- 2) Lanjutan daripada perkara di atas, kajian-kajian sedia ada sehingga kini juga didapati masih belum dapat menghuraikan secara terperinci wasiat-wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai*, termasuklah menggolongkannya secara jelas dan sistematis dalam satu sistem atau kategori tertentu. Penggolongannya dalam satu sistem atau kategori tertentu ini penting untuk dilakukan secara ilmiah bagi memahami secara jelas serta komprehensif isi-isi dalam wasiat-wasiat yang dikaji. Pemahaman ini penting bagi merumuskan tradisi yang mendasari wasiat-wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai* secara keseluruhannya. Dalam konteks inilah, kajian ini akan menggolongkan secara sistematis wasiat-wasiat yang terkandung dalam *Hikayat Raja Pasai*.
- 3) Seterusnya, dalam konteks penggolongan wasiat-wasiat yang dinyatakan di atas, penting bagi kajian ini untuk menggunakan pakai satu kerangka analisis yang jelas serta dapat dijadikan sebagai teras dalam satu sistem atau pengkategorian tertentu. Kerangka analisis ini merujuk kepada idea pokok tentang ciri-ciri pemimpin yang adil yang telah dibahaskan dalam kitab karangan Imam al-Ghazali bertajuk *Nasihat al-Muluk*. Kitab ini merupakan hasil karangan Imam al-Ghazali, yang merupakan seorang ulama Islam yang terkenal pada kurun ke-11 masih. Pengkaji merupakan seorang ulama yang dianggap muktabar serta memberikan sumbangan yang besar

dalam tradisi keilmuan Islam. *Nasihat al-Muluk* yang dikarang pada tahun 1105-1111 merupakan salah satu daripada kitab karangannya yang terkenal serta tidak dianggap asing dalam dunia kesarjanaan pengajian Melayu. Kitab ini, antara lain menggariskan secara jelas idea pokok tentang ciri-ciri pemimpin yang adil melalui sepuluh ciri pemimpin yang adil menurut Islam. Kesemua ciri yang digariskan dalam kitab *Nasihat al-Muluk* ini dapat dijadikan sebagai parameter dalam menggolongkan wasiat-wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai*. Perbincangan lanjut tentang ciri-ciri pemimpin yang adil *Nasihat al-Muluk* karangan Imam al-Ghazali akan dilakukan dalam Bab 3. Pada tahap ini, perkara penting yang perlu diperjelaskan ialah pengkategorian wasiat-wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai*. Kajian ini akan dilaksanakan berdasarkan ciri-ciri pemimpin yang adil yang digariskan dalam *Nasihat al-Muluk* karangan Imam al-Ghazali.

Objektif Kajian

Penulis telah mengenal pasti tiga objektif utama dalam kajian ini yang hendak dicapai iaitu:

1. Mengenal pasti wasiat berkaitan ciri pemimpin dalam *Hikayat Raja Pasai*.
2. Menganalisis wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai* berdasarkan ciri pemimpin yang adil menurut Imam al-Ghazali dalam *Nasihat al-Muluk*.
3. Merumus ciri pemimpin berdasarkan konsep keadilan Imam al-Ghazali dalam *Nasihat al-Muluk*.

Bahan Kajian

Bahan kajian yang akan digunakan dalam kajian ini merupakan teks yang telah disusun oleh Russell Jones dan telah diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti pada tahun 1987. Teks yang dipilih bertulisan rumi dalam bahasa Melayu. Kemudian hasil kerja ini diperbaharui oleh Russell Jones pada tahun 1999 dengan kerjasama Yayasan Karyawan dan Penerbit Fajar Bakti. Teks *Hikayat Raja Pasai* dalam bentuk manuskrip iaitu Raffles Malay No. 67 yang tersimpan di Royal Asiatic Society, di London telah digunakan sebagai bahan kajian asas (Russell Jones, 1986). Namun terdapat sebuah lagi manuskrip yang merupakan salinan manuskrip No. 67 yang telah dilakukan oleh seorang sarjana Perancis, iaitu Edouard Dulaurier pada tahun 1838 dan kini disimpan di Bibliotheque Nationale di Paris No. Mal-Pol. 50 (Russell Jones, 1999).

Bentuk manuskrip yang tersimpan di London ini agak kecil dan dijilid dengan kain hitam dan tidak menjelaskan kaedah bagaimana Raffles memperolehnya cuma terdapat catatan yang menunjukkan tarikh penyalinannya dilakukan pada 3 Januari 1815. Manuskrip ini telah dibawa oleh Raffles kembali ke England pada tahun 1816 dan telah ditinggalkan kepada Lady Raffles apabila pengkaji

meninggal dunia. Pada bulan Januari 1830 manuskrip itu telah dihadiahkan kepada The Royal Asiatic Society (Russell Jones, 1999).

Pada halaman 140 dalam manuskrip itu pada catatan dalam huruf Jawa menyatakan bahawa karya ini diambil daripada Bupati Demak dalam tahun Jawa, 1742 (bersamaan 1814 – 1815 Masihi). Terdapat 2 manuskrip *Hikayat Raja Pasai*, iaitu manuskrip A yang tersimpan di Royal Asiatic Society – MS Raffles Malay No. 67 dan manuskrip B tersimpan di British Library – MS OR. 14350. Manuskrip A ini sederhana rupanya. Ia agak kecil dan dijilid dengan kain hitam. Penyalinan *Hikayat Raja Pasai* ini telah diselesaikan pada 3 Januari 1815 (Russell Jones, 1999). Karya *Hikayat Raja Pasai* ini telah disalin untuk Raffles di bawah pengawasan Kiai Suradimanggala di Skriptorium Raffles di Buitenzorg (sekarang di kenali sebagai Bogor) di Jawa. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Russell Jones (1999) yang menyatakan bahawa semua bukti yang wujud ini termasuk tarikh dan jenis kertas yang digunakan, menunjukkan bahawa Raffles memperolehnya melalui Bupati Demak ini.

Manakala manuskrip B pula yang bertarikh 1211 Hijrah atau 1797 Masihi merupakan naskah yang paling tua tetapi tidak lengkap menyebabkan Russell Jones tidak memilih manuskrip ini sebagai naskah asal (Russell Jones, 1999). Naskah ini disalin di Semarang. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sudah terdapat satu contoh *Hikayat Raja Pasai* di Jawa Tengah. Menurut Russell Jones (1999) bahawa manuskrip A terdapat pengaruh keJawaan yang menyebabkan manuskrip A ini tidak disalin daripada manuskrip B atau mungkinkah manuskrip A sama dengan manuskrip B, iaitu kedua-duanya disalin daripada contoh *Hikayat Raja Pasai* di Jawa (Russell Jones, 1999). Terdapat beberapa edisi penyalinan *Hikayat Raja Pasai* yang dilakukan oleh beberapa orang sarjana Barat seperti Edouard Dulaquier, J. P. Mead, A. H. Hill, Teuku Ibrahim Alpian dan Russell Jones.

Edisi pertama *Hikayat Raja Pasai* diterbitkan oleh Edouard Dulaquier di Paris pada tahun 1849. Dia telah menyalin manuskrip tersebut dengan tangan sewaktu dia melawat London pada tahun 1838. Edisi Jawi ini bermutu tinggi, malah mungkin lebih baik daripada edisi-edisi yang diterbitkan selepasnya (Russell Jones, 1999: XVI).

Manakala edisi kedua pula telah diterbitkan oleh seorang pegawai perkhidmatan awam Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu J. P. Mead. Tetapi edisi ini banyak mengalami kesalahan bacaan. Mead juga menyebut karya ini sebagai *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Pernyataan ini diperteguhkan melalui kenyataan Russell Jones (1999: XVI):

“...edisi ini mengandungi banyak kesalahan bacaan kerana transliterasi dilakukan di London sedangkan teksnya diterbitkan di Singapura, jadi tidak banyak peluang untuk penyemakan kembali. Mead juga menyebut karya ini sebagai *Hikayat Raja-Raja Pasai*.”

Edisi yang ketiga telah disediakan oleh Dr. A. H. Hill dan diterbitkan pada tahun 1960 dalam jurnal JMBRAS. Edisi ini merupakan edisi yang paling lengkap pernah dicuba tetapi Dr. Hill telah terbunuh dalam satu kemalangan udara di Jawa pada bulan Januari 1961 menyebabkannya tidak sempat menyemak prufnya sebelum diterbitkan. Teks pengkaji yang sepatutnya diterbitkan sebagai jilid 33 bahagian 2 JMBRAS pada tahun 1960 sebenarnya diterbitkan pada tahun 1962 maka edisi ini terdapat banyak kekurangan. Namun begitu edisi ini ditulis dalam teks Melayu dan mempunyai banyak bahan yang boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan seterusnya (Russell Jones 1999).

Mengikut Russell Jones (1999) bahawa edisi keempat teks ini telah diterbitkan secara sendirian oleh Teuku Ibrahim Alpian dengan judul *Kronika Pasai, Sebuah Tinjauan Sejarah* pada tahun 1973. Karya ini memberikan faedah dari sudut pengetahuannya tentang daerah Pasai, tetapi tidak berapa sempurna. Sayang sekali hal ini berlaku, kerana suatu edisi yang mudah dan murah diperlukan untuk sebaran yang luas di Indonesia.

Edisi seterusnya diusahakan oleh Russell Jones selepas mengkajinya selama 20 tahun dan akhirnya teks Melayu telah diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd pada tahun 1987. Edisi yang terbaru ialah edisi tahun 1999 yang diterbitkan oleh Yayasan Karyawan bersama-sama Fajar Bakti berdasarkan edisi 1987 dengan melaksanakan beberapa perubahan dan pemberian berpandukan kepada manuskrip A dan manuskrip B. Hal ini diperakui oleh Russell Jones (1999: XVII) melalui pernyataannya di bawah:

... dengan membuat beberapa perubahan dan pemberian setelah mengkaji meneliti manuskrip British Library MS14350 iaitu manuskrip B. Beberapa kata daripada manuskrip daripada manuskrip telah digugurkan daripada teks edisi 1987 dan beberapa kata daripada manuskrip B dimasukkan ke dalam teks edisi yang terbaharu ini. "Menurut Russell Jones (1999: XIX) bahawa terdapat 2 kali terjemahan Hikayat Raja-Raja Pasai dilakukan. Kali yang pertama ialah ke dalam bahasa Perancis berdasarkan edisi Dulaurier oleh A. Marre berjudul Sumatra: Histoire de Rois de Paisey, Traduite du Malay et Annotee pada tahun 1874. Terjemahan yang kedua pula ialah ke dalam bahasa Inggeris diterbitkan oleh Hill pada tahun 1960. Bagi Russell Jones ketika melakukan transliterasi, beliau sedaya mungkin mengikuti teks asal dalam manuskrip Raffles Malay No. 67, iaitu manuskrip A yang tersimpan di Royal Asiatic Society."

Kesimpulannya teks yang akan digunakan untuk tujuan penulisan seterusnya ialah berpandukan teks edisi Melayu yang ditulis oleh Russell Jones dengan kerjasama Penerbit Yayasan Karyawan dan Fajar Bakti pada tahun 1999. Teks ini dipilih kerana karya ini merupakan karya yang terbaharu selepas melakukan perubahan dan penambahbaikan terhadap teks 1987. Setelah mengambilkira penyelidikan terhadap manuskrip A dan manuskrip B selepas beberapa perkataan daripada manuskrip A dibuang dan beberapa perkataan

daripada manuskrip B dimasukkan maka barulah teks 1999 ini diterbitkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa teks pada tahun 1999 amat sesuai untuk digunakan sebagai bahan kajian asas dalam penyelidikan terbaru dan yang akan datang.

Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian terhadap teks susunan Russell Jones yang diterbitkan pada tahun 1999 dengan kerjasama Yayasan Karyawan dan Penerbit Fajar Bakti kerana teks ini merupakan teks yang terbaharu selepas melakukan perubahan dan penambahbaikan terhadap teks 1987 setelah mengambilkira penyelidikan terhadap manuskrip A dan manuskrip B selepas beberapa perkataan daripada manuskrip A dibuang dan beberapa perkataan daripada manuskrip B dimasukkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa teks pada tahun 1999 amat sesuai untuk digunakan sebagai bahan kajian asas dalam penyelidikan terbaru dan yang akan datang. Kajian ini hanya mengkaji peranan wasiat yang terdapat dalam *HRP*. Peranan wasiat akan dibahaskan berpaduan konsep keadilan Imam al-Ghazali dalam *Nasihat al-Muluk*.

Kepentingan Kajian

Sehingga kini, kajian terhadap peranan wasiat dalam sastera sejarah sangat kurang dijalankan oleh para pengkaji dari Barat dan Timur. Begitu jugalah halnya dengan *HRP* boleh dikatakan sangat sedikit kajian yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana tentang peranan wasiat yang terdapat dalam karya tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menambah bilangan kajian yang dibuat tentang peranan wasiat dalam *HRP*. Setakat ini kajian tentang peranan wasiat dalam *HRP* yang dilakukan secara ilmiah amatlah sedikit dan tidak menyeluruh. Kajian diharap dapat menunjukkan wujudnya proses asimilasi dan adaptasi budaya luar ke dalam budaya Melayu dengan kedatangan Islam ke Nusantara seterusnya dapat mendokumentasi dan mengungkap kembali kekuatan Islam pada zaman silam supaya dapat memberi manfaat kepada generasi akan datang. Hal ini juga mampu menghadirkan kehebatan dari persepsi ketiahan dan kesetiaan kepada generasi umat Islam tentang kehebatan wasiat yang dipatuhi dan yang diingkari. Akhirnya kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada para pengkaji pada masa hadapan serta tersimpanlah dalam khazanah gedung ilmu kesusastraan negara kita sebagai harta yang amat bernilai.

Definisi Konsep

Antara konsep yang akan dibincangkan ialah:

Wasiat

Kamaruddin hj. Husin, (1992: 32) telah mendefinisikan wasiat sebagai:
Wasiat dimaksudkan sebagai pesanan terakhir yang diberikan oleh orang yang hendak meninggal dunia.

Pengkaji juga menyatakan bahawa wasiat juga merupakan sesuatu yang dianggap suci dan perlu dihormati kerana wasiat perlu dipatuhi berdasarkan adat dan kepercayaan agama.

Setiap wasiat itu mesti dipatuhi berdasarkan adat dan kepercayaan agama. Oleh sebab itu wasiat dianggap suci dan perlu dihormati.

Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (2006: 43) pula mentakrifkan wasiat sebagai pesanan, atau peringatan. Malah wasiat juga memberi imbas ke hadapan kepada orang yang mendengarnya tentang perkara yang akan berlaku kemudian. Jamsari Mokhtar (1998: 35) mentakrifkan wasiat sebagai perkara yang mempunyai unsur politik, pentadbiran undang-undang dan agama. Pengkaji melihat wasiat yang dikaitkan dengan Kesultanan Melayu Islam Pasai yang terdapat dalam *HRP*.

Ismail Kamus (2009: 210) menyatakan wasiat bermaksud sambung (dari segi bahasa) manakala dari segi syarak wasiat ialah menyedekahkan hak milik harta yang dilaksanakan selepas kematian. Ini bererti penerima wasiat akan menerima harta yang diwasiatkan oleh pengwasiat selepas kematianya. Pengkaji juga telah mengkategorikan wasiat berdasarkan hukum dengan menyatakan bahawa hukum wasiat itu ada 4 berdasarkan keadaan-keadaan yang tertentu, iaitu wajib, haram, harus dan makruh. Wasiat juga merupakan sesuatu yang dianggap suci dan perlu dihormati kerana wasiat perlu dipatuhi berdasarkan adat dan kepercayaan agama. Wasiat itu hukumnya wajib jika terdapat tanggungjawab yang syarie. Haram hukumnya jika perkara yang diwasiatkan itu berkaitan benda-benda yang haram dan menyusahkan waris-waris. Harus jika ditujukan kepada rakan-rakan atau orang kaya. Makruh jika pewasiat ialah seorang yang kurang berada dan penerima wasiat merupakan mereka yang miskin. Malah juga menjadi makruh jika diwasiatkan kepada orang yang fasik.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa wasiat itu bermaksud pesanan orang yang akan meninggal dunia kepada orang yang hidup untuk

dilaksanakannya berdasarkan pesanan-pesanan yang telah ditinggalkan berpandukan kepada hukum syarak.

Hikayat

Hikayat daripada bahasa Arab iaitu kata terbitan daripada kata kerja *haka* yang pada asalnya bermakna *meniru* dan kemudiannya dimaknakan sebagai *memberitahu* dan *mencerita* atau pada nama terbitannya bermaksud *cerita*, *cerita lisan*, atau *lagenda* (Encyclopedia of Islam, volume iii, 1979: 372-373).

Hashim Awang (1989 : 10) mentakrifkan hikayat sebagai kata nama atau nama perbuatan daripada bahasa Arab yang bermakna *cerita*, *kisah*, *naratif*, atau *lagenda* dan perkataan ini digunakan dalam bahasa Melayu dengan makna yang sama. Manakala mengikut Rahman Shaari (1987: 35) pula mengatakan bahawa hikayat membawa maksud cerita lama yang dianggap sebagai cabang kesusastraan Melayu lama yang memuatkan cerita yang berkisar di sekitar istana-istana rajadengan memfokuskan kepada peristiwa-peristawa luar biasa dengan perwatakan luar biasa.

Daripada pernyataan-pernyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa hikayat merupakan kata nama yang diambil daripada perkataan Arab kemudiannya diadaptasikan penggunaannya dalam bahasa Melayu dengan makna cerita, kisah, narratif atau lagenda.

Keadilan

Mohamad Khadafi Hj. Rofie (2009: 155) telah mendefinisikan keadilan, seperti petikan di bawah :

Keadilan bermakna meletakkan sesuatu pada tempatnya. Naluri setiap orang inginkan keadilan. Kepuasan dan nilai kehidupan seseorang manusia bergantung sejauh mana orang lain bertindak adil kepada dirinya. Nor Ashikin Md Nor dan Salmah Jan Noor Muhammad (2017 :73) mengatakan bahawa Islam merupakan suatu cara hidup yang sempurna yang menyediakan pelbagai ganjaran pahala yang besar kepada golongan pemerintah yang berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan baik iaitu yang berpegang teguh kepada prinsip keadilan.

Hassan Ahmad (2008: 158-159) pula mentakrifkan keadilan dari sudut bahasa bermaksud meletakkan sesuatu perkara kena dan betul pada tempatnya. Keadilan dari segi istilah pula ialah sifat (orang, perbuatan, tindakan, keputusan, undang-undang, hukuman, dan lain-lain) yang wajar, berpatutan, kena pada tempatnya, saksama, tidak berpihak kepada mana-mana, berat sebelah (apabila memutuskan sesuatu keputusan). ‘Keadilan’ dalam Islam diukur melalui sumber-sumber perundangan Islam yang sah dan bukan ditafsir mengikut akal dan hawa nafsu manusia.

Zulkifli Mohammad Al-Bakri (2014: 37) menyatakan bahawa mengikut neraca Islam bukan bererti sama rata atau sama berat tetapi meletakkan sesuatu pada tempatnya maka itulah hakikat keadilan sebenarnya. Keadilan dalam Islam merentasi sebarang sempadan tanpa mengira hubungan kekeluargaan atau persahabatan.

Nooh Gadot (2004: 12) menjelaskan bahawa keadilan itu berpohon kepada manusia yang beragama Islam dan berakhhlak mulia malah sifat ini terangkum dalam semua perkara yang berkaitan dengan kuasa iaitu bercakap jujur, amanah, menjauhkan diri daripada perkara-perkara haram, suci daripada sebarang dosa, jauh daripada keraguan, terjaminbenar apabila memberi persetujuan, benar apabila marah, menjaga maruah dalam jurusan agamanya dan dunianya. Secara jelasnya keadilan itu ialah keupayaan melaksanakan kewajipan-kewajipan syarak serta meninggalkan semua larangan agama dan maksiat.

Abdullah Abu Bakar (1996: 174-175) mengatakan bahawa keadilan itu merangkumi soal-soal jenayah harta benda dan kekayaan, percakapan, tindakan dan lain-lain. Maka keadilan itu bererti mengambil sesuatu mengikut lunas-lunas peraturan dan diagihkan kepada pihak yang berhak juga mengikut peraturan. Pengkaji juga menyentuh ‘keadilan’ dari matra percakapan. ‘Keadilan’ dalam tutur kata ialah apabila seseorang tidak menuturkan kepada seseorang yang mulia dengan kata-kata yang diucapkan kepada seseorang yang tidak mulia seperti kata-kata kepada seorang alim dengan ucapan yang diucapkan kepada seorang yang jahil kerana kepujian dan celaan itu selayaknya dilakukan mengikut tahap ihsan dan keburukan seiring dengan sebab-sebab yang berada di belakang itu semuanya tanpa lebih atau kurang. Hal ini bermaksud ucapan itu menjadi pengukur kepada seseorang penuturnya.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa keadilan itu bermaksud keupayaan seseorang meletakkan sesuatu pada tempatnya yang paling sesuai mengikut ketetapan al-Quran, hadis, Qias dan ijmak ulama terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan kepimpinan negara yang melibatkan balasan Allah SWT di akhirat kelak sama ada seorang pemimpin itu ke syurga atau ke neraka.

BIBLIOGRAFI

- A.Hasjmy. (1977). *Sumbangan Kesusasteraan Aceh Dalam Pembinaan Kesusasteraan Indonesia*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- A.J. Arberry. (1996). *Kisah Para Wali*. (Penyusun). Batu Caves: Thinkers library Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz. (2013). *Kalam Taujihat*. Dalam Hanif Hj.Ghazal. *60 Kisah Bertemu Rasulullah S.A.W.* Merbok: Madrasah Zubaidah & Nusaibah Enterprise.
- Abdul Jalil Anuar. (1986). *Morfem Bahasa Melayu Klasik: Suatu Kajian Berdasarkan Hikayat Raja-Raja Pasai*. *Kajian Ilmiah M. A.* Kuala Lumpur: Fakulti Sastera Dan Sains Sosial: Universiti Malaya.
- Abdul Monir Yaacob dan Sarina Othman. (1995). *Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob. (2004). *Kuasa Perundungan dalam Islam*. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Rahman Idris. (1996). *Unsur-Unsur Pemikiran Islam dalam Hikayat Raja-Raja Pasai*. *Kajian Ilmiah B. A. Hons.* Serdang: Fakulti Pengajian Bahasa Moden: Universiti Pertanian Malaysia.
- Abdul Samat Musa. (2004). *Hak-hak dan Tanggungjawab Rakyat dan Ulil-Amri*. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah @ Alwi Hj. Hassan. (2004). *Sistem Pentadbiran dalam Sebuah Negara Islam*. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

- Abdullah Abu Bakar. (1995). *Konsep Pemerintahan Islam dan Pendekatannya Dalam Masyarakat Majmuk: Interpersepsi Ulama Dahulu dan Kini*. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Sarina Othman. *Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah Othman dan Roslinda Zulkifli. (1986). *Prosa Klasik dan Sajak SPM Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Utama Pelajaran Sdn. Bhd.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2004). *Campur Tangan British dan Perubahan Struktur Pemerintahan Melayu Sebelum Merdeka*. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad (2004). *Konsep dan Peranan Uil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abu al-Mati Abu al-Futuh. (1986). *Sistem Pemerintahan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam J.P.M.
- Abu Marwan. (2015). *Wasiat Rasulullah 100 hari Sebelum Wafat*. Sg. Buloh: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Adzhar Ibrahim. (2013). *Himpunan 10 kisah Peng-Islaman Sahabat (1), Pembaca Al-Quran Paling Tepat*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Adil Akhyar. (2015). *200 Wasiat Ibnu Arabi*. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Ahmad Muhammad Al Hufy. (2003). *Keluhuran dan Kemuliaan Akhlak Nabi Muhammad SAW*. Cheras: Al-Falah Publication.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid. (2004). *Perutusan*. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. *Konsep dan Peranan Uil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Shah Mohd Noor. (1986) "Hikayat Raja-raja Pasai Penyelenggaran Dr. A. H. Hill: Suatu Analisis." Dalam Zahrah Ibrahim. *Sastera Sejarah Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.J. Arberry. (1996). *Kisah Para Wali*. Batu Caves: Thinkers library Sdn. Bhd.

- Al-Ghazali. (2006). Dalam Jelani Harun. *Nasihat al-Muluk Nasihat kepada Raja-raja*. (Penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Hafiz Al-Munziri. (2013). *Ringkasan Sahih Muslim (Jilid 2)*. Batu Caves: Al-Hidayah Publication.
- Ali Ahmad. (1987). *Karya-Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Bahari. (2012). *Soal Jawab Wasiat Islam: Solusi Permasalahan Perwarisan Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Annas Hj. Ahmad. (1988). *Sastera Melayu Lama dan Baru*. Petaling Jaya: Masa Enterprise.
- Azimon Abdul Aziz, Rahmah Ismail, Sakina Shaik Ahmad Yusoff dan Shamsuddin Suhor,Kartini Aboo Talib @ Khalid dan Muhammad Rizal Razman. (2015). *Kearah Keadilan Sosial Pengguna*. Dalam Rahmah Ismail, Sakina Shaik Ahmad Yusoff dan Shamsuddin Suhor(sunt.). *Undang-Undang Pengguna dan Keadilan Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Boris Parnickel. (1995). *Perkembangan Sastera Nusantara Serumpun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C. Hooykaas. (1981). *Perintis Sastera*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Darodji. (1990). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seri Kota.
- Darus Ahmad. (1965). *Kesusasteraan Kelasik Melayu*. Kota Bharu: Penerbit Kelantan.
- Diyamin Bahari. (1995). *Kajian Morfologi Sastera Sejarah: Tumpuan Teks Hikayat Raja-Raja Pasai*. Kajian Ilmiah B.A,Hons. Serdang: Fakulti Pengajian Bahasa Moden: Universiti Pertanian Malaysia.

Encyclopaedia of Islam. (1979). Volume iii, New Edition. Leiden : E.J Brill.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). *Tokoh Ulama Negeri Terengganu*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2015). *Peranan Ulama Dalam Kesultanan Terengganu*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.

Farid al-Din Attar. (1996). Dalam A.J. Arberry. *Kisah Para Wali*. Batu Caves: Thinkers library Sdn. Bhd.

Ghazali Ibrahim. (2011). *RM 42 Billion Pusaka Belum Dituntut? : Kupasan Ilmu Faraid, Wasiat dan Hibah*. Kuala Lumpur: INTEAM Publishing Sdn. Bhd.

Hamidi Abdul Ghani. (2008). *Keadilan Hukuman Sebat Menurut Islam*. Tanah Merah: Pustaka Assohabah.

Hanif Hj.Ghazali. (2012). *60 Kisah Bertemu Rasulullah S.A.W.* Merbok: Madrasah Zubaidah & Nusaibah Enterprise.

Haron Din. (2008). *Islam Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Kuala Lumpur: PTS Milennia Sdn. Bhd.

Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh, Jamilah Haji Ahmad. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan Ahmad. (2008). *Institusi Islam*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.

Hashim Awang. (1989). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hashim Awang, Othman Puteh, Ramli Isin, Sahlan Mohd. Saman. (1985). *Novel Hikayat Struktur Penceritaan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hill, A. H. (1960). *Hikayat Raja-Raja Pasai*. JMBRAS, xxxiii: ii, hal. 63.

Hussein Mahmood. (2008). *Kepimpinan dan Keberkesan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Imam Az-Zabidi. (2014). *Ringkasan Sahih Bukhari (Jilid 1)*. Batu Caves: Al-Hidayah Publication.

Imam Habib Abdullah Haddad. (2012). *Nasihat Agama dan Wasiat Iman*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.

Ismail Hamid. (1983). *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Yusoff. (2008). *Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Jamsari Mokhtar. (1998 / 1999). *Hikayat Raja Pasai: Pemikiran Tamadun Melayu. Kajian Ilmiah M. A*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera Dan Sains Sosial: Universiti Malaya.

Jelani Harun. (2006). *Nasihat al-Muluk Nasihat kepada Raja-raja*. (Penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jihat Abadi, Azran Rahman dan Amida Abdulhamid. (1981). *Sari Sejarah Kesusasteraan Melayu-Indonesia (Tradisi-Moden)*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.

Johari Yaman. (2011). Mukjizat Rasulullah. Rawang: Nadi Minda Resources.

Kamarudin Hj Husin. (1992). *STPM Analisis Teks Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Khairul Ghazali. (2015). *30 Wasiat Imam Syafi'i*. Batu Caves: PTS Publishing Sdn. Bhd.

Liaw Yoke Fang. (1978). *Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.

Mana Sikana. (1992). *Khazanah Islam Falsafah dan Kesusastraan*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Karya One.

Mohd Azhar Abdullah. (2014). *Soal Jawab Hudud, Undang-Undang Allah SWT yang Adil*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Mohammad Khadafi Hj. Rofie. (2009). *Tamadun Islam Prinsip & Sumbangan Terhadap Peradaban Dunia*. Jitra: Pure Honey Enterprise.

Mohd Liki Hamid. (2004). *Pengajian Tamadun Islam*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Solleh Abdul Razak. (2011). *Wasiat Sebelum Dirimu Bergelar Ulama*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Mohd.Taib Osman. (1974). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Federal Publication Sdn. Bhd.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady. (2004). *Ketua Negara Islam: Tugas-tugas dan Peranan*. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Muhammad Nuruddin Marbu Al-Banjari. (2012). *Kalam Irsyadi*. Dalam Hanif Hj.Ghazali. *60 Kisah Bertemu Rasulullah S.A.W*. Merbok: Madrasah Zubaidah & Nusaibah Enterprise.

Muhammad Sadiq Al-Minsawi. (2010). *101 Mutira Kezuhudan Khalifah Umar Abdul Aziz*. Bandar Baru Bangi: SYABAB Global.

Muhammad Syukri Salleh. (1993). *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Minden: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Yusoff Hashim. (1988). *Persejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Publishing Sdn. Bhd.

Muhd. Mansur Abdullah. (1984). *Kesusasteraan Melayu Klasik (Tumpuan Kepada Prosa)*. Kuala Lumpur: Tratra Publishing and Trading Sdn. Bhd.

Munir Ali. (1990). *Kajian Kesusasteraan Melayu Klasik*. Petaling Jaya: FLO Enterprise Sdn. Bhd.

Nawawee Mohammad. (1993). *Kajian Karya Agung STPM Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Nooh Gadot. (2004) *Ulil Amri: Takrif dan Konsep*. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Nor Ashikin Md Nor dan Salmah Jan Noor Muhammad. (2017). Bustan al-Salatin Panduan kepada Pemerintahan Islam yang Adil oleh Golongan Pembantu Raja. *MANU*, Bil.26, 51-75.

Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob. (1990). *Guru Dan Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Nur Abdi Gudle. (2014). *Cucu Rasulullah Yang Hilang*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.

P. Palaniappan. (1985). *Unsur-Unsur Metos dalam Karya Hindu dan Sastera Melayu*. Dalam Abdul Latif Abu Bakar. (diselenggara). *Warisan Dunia Melayu (Teras Peradaban Malaysia)*. Kuala Lumpur: Biro Penerbitan Gapena.

R.O.Winstdet. (1940). *Malay Literature*. Dalam Zahrah Ibrahim (1986). *Sastera Sejarah Interpretasi Dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahman Saari. (1991). *Ikhtisar Sastera Untuk Menengah Atas*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Rahman Saari dan Nurazmi Kuntum. (1984). *Kesinambungan Sastera Melayu Puisi dan Prosa*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.

Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2015). *Kepimpinan dan Pengurusan Islam: Sejarah, Teori dan Perlaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim. (2006). *Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Roolvink, R. (1965). *The Answer of Pasai*. JMBRAS, xxxviii: ii, hal. 129 – 139.

Russell Jones. (1987). *Hikayat Raja Pasai*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Russell Jones. (1999). *Hikayat Raja Pasai*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Shahnon Ahmad. (1981). “Sastera dalam Pembinaan Akhlak, Satu Renungan dari Sejarah Satera Melayu.” *Dalam Imej dan Cita-Cita. Kertas Kerja Hari Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan Dan Etika Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sharifah Hayaati Syed Ismail. (2004). *Peranan Wanita dalam Pemerintahan dan Kepimpinan Sesebuah Negara Islam*. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Siti Hawa Hj. Salleh. (2006). *Naskah Melayu Berunsur Sejarah (Kerajaan Melayu)*. Dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim. *Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suzana Hj. Othman. (2008). *Menjejak Warisan Islam Melayu Beraja*. Kuala Lumpur: Media Satria Sdn.Bhd.

Syed Hussein Alatas, H. Rosihan Anwar, Shafie Abu Bakar, Shahnon Ahmad, Hamdan Hassan, Abdul Rahman AL-Ahmadi, Aziz Deraman, Hashim Musa dan Sidi Gazalba.

(1984). *Kesusasteraan Melayu dan Islam Suatu Pertembungan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

Syed Husin Ali. (2004). *Merdeka, Rakyat dan Keadilan*. Petaling Jaya: Strategic Information Research Development (SIRD).

Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syekh Abdullah Muhammad Bismith. (2000). *Tafsih Pimpinan Ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Teeuw, A. (1964). *Hikayat Raja-Raja Pasai dan Sejarah Melayu*. Dalam Bastin, J. and Roolvink, R. (ed.), *Malayan and Indonesian Studies*. London: Oxford University Press.

Teuku Iskandar dan Baharuddin Zainal. (1997), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Umar Junus. (1984). *Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Wan Abdul Halim Wan Harun. (2011). *Mengurus Harta Pusaka: Asas Pembahagian Harta Secara Faraid*. Batu Caves: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Zahiruddin Zabidi dan Najah Pauzi. (2012). *70 Hadis Mudah Hafal, Mudah Amal*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Zahrah Ibrahim. (1986). *Sastera Sejarah Interpretasi Dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Azam Abdul Rahman. (2004). *Konsep dan Aplikasi Syura dalam Pemerintahan*. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Zainon S. Ahmad. (1988). *Sastera Melayu Lama Untuk STPM*. Kuala Lumpur: Penerbitan Elman.

Zainuddin Saad. (1986). *Sari Sastera Lama Untuk STPM*. Petaling Jaya: Amiza Associate (M) Sdn. Bhd.

Zalila Sharif dan Jamilah Hj. Ahmad. (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zawawi Yusuf dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2015). *Manhaj Kesufian Tok Ku Paloh*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Zeti Zuryani dan Sakina Shaik Ahmad Yusoff. (2015). *Kontrak Pengguna dan Keadilan Sosial*. Dalam Rahmah Ismail, Sakina Shaik Ahmad Yusoff dan Shamsuddin Suhor(sunt.). *Undang-Undang Pengguna dan Keadilan Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.

Zulkifli Mohammad Al-Bakri. (2014). *Negara Sejahtera Rahmat Untuk Semua*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

Zulkifli Mohammad Al-Bakri. (2014). *Pemimpin Yang Adil Rahmat Untuk Rakyat*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

Zulkifli Mohammad Al-Bakri. (2016). *Gelaran Ulama*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

BIODATA PELAJAR



Pelajar merupakan anak jati Seberang Takir, Kuala Terengganu, Terengganu dan dilahirkan di Kg. Bukit Tok Beng pada 23 Mac 1964. Memulakan pendidikan rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan Seberang Takir, pada tahun 1971 hingga 1976. Seterusnya mengikuti pengajian menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri (SIF), Seberang Takir. Ketika di tingkatan enam, pelajar mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin, Kuala Terengganu selama dua tahun.

Pada bulan Julai 1984, pelajar telah menyambung pelajaran di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dalam bidang perniagaantani. Selama 3 tahun berjuang akhirnya berjaya memperoleh Diploma Perniagaantani pada tahun 1987. Pada bulan Julai 1992, pelajar menyambung semula pengajiaannya di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dalam bidang pendidikan (PBMP). Pada tahun 1996, bulan April, pelajar berjaya menamatkan pengajian dengan memperoleh sarjana muda (PBMP). Pada bulan Julai 1996, pelajar melapor diri sebagai pendidik di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdullah (SMKTA), Pekan, Pahang DM. Pada bulan April 2004, pelajar ditugaskan sebagai guru di Sekolah Menengah St. Columba (bantuan kerajaan) Miri, Sarawak hingga Julai 2008. Pada bulan Ogos 2008 ditugaskan di Sekolah Menengah Kebangsaan Peramu Jaya (SMKPJ), Pekan, Pahang DM.

Pada tahun 2011 hingga 2013, pelajar menyambung pengajian di Universiti Terbuka Malaysia (OUM) di peringkat Sarjana dalam bidang pentadbiran pendidikan. Selepas berjaya memperoleh sarjana pendidikan daripada Universiti Terbuka Malaysia (OUM), pelajar terus menyambung pengajian pada peringkat Doktor Falsafah (PhD). Pada kali ini pelajar kembali semula ke Universiti Putra Malaysia (UPM), pada bulan Februari 2014. Kali ini pelajar meneroka bidang Kesusastraan Melayu Klasik di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, dan menjalankan kajian kesusastraan berkaitan peranan wasiat dalam *Hikayat Raja Pasai*.

SENARAI PENERBITAN

Artikel yang Akan Diterbitkan

Abdul Rahman Idris, Salmah Jan Noor Muhammad. 2019. "Pelaksanaan Wasiat Sebagai Medium Menentukan Kecemerlangan Dan Kejatuhan Kerajaan Samudera Pasai Dalam *Hikayat Raja Pasai*". dlm. *Jurnal IMAN*. Diterima pada 2 Oktober 2018.

Artikel yang diterima Untuk Penilaian

Abdul Rahman Idris, Salmah Jan Noor Muhammad. 2019. "Pengaruh Islam Dalam *Hikayat Raja Pasai*". dlm. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*. Diterima pada 29 Januari 2019.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PERANAN WASIAT DALAM *HIKAYAT RAJA PASAI* BERDASARKAN KONSEP
KEADILAN AL-GHAZALI

NAMA PELAJAR : ABDUL RAHMAN BIN IDRIS

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]